

Antara pemerksaan, keusahawanan dan pembangunan asnaf



DR MOHAMAD SALLEH ABDULLAH

Pengurus Besar,
Jabatan Khidmat
Pengurusan, Zakat
Pulau Pinang



APA jua istilah yang digunakan untuk memajukan golongan asnaf, tugas berkenaan perlu digalas oleh amil dan Agensi Mengurus Zakat sebaik mungkin.

Ketiga-tiga istilah itu begitu popular untuk majukan kelompok penerima zakat, tetapi mana yang lebih tepat?

A SNAF zakat merupakan insan yang sangat istimewa. Golongan itu dinyatakan dengan jelas dalam ayat 145, Surah Al-Baqarah. Tugas untuk menyantuni insan istimewa tersebut digalas oleh amil zakat.

Dalam konteks Malaysia moden, amil zakat sekarang adalah merujuk kepada Agensi Mengurus Zakat (AMZ). Secara pengelasanya, AMZ merujuk kepada tiga jenis dikotomi pengurusan zakat.

la termasuklah kutipan dan agihan di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), kutipan di bawah entiti korporat, manakala agihan oleh MAIN dan satu lagi kutipan serta agihan di bawah satu entiti korporat yang sama.

Antara cabaran utama yang turut menjadi petunjuk prestasi utama (KPI) bagi sesetengah AMZ adalah dalam mencakna asnaf. Ia bagi melahirkan pembayar zakat dalam

kelangan mereka.

Persoalan seperti berapa ramal asnaf menjadi pembayar zakat, apa yang dilakukan kepada kelompok itu dan sebagainya sering berlegar-legar.

Tidak mudah sebenarnya untuk menjawab pertanyaan tersebut. Apatah lagi ia melibatkan motivasi dan sikap insan istimewa berkenaan. Bercerita tentang peranan AMZ dalam memajukan asnaf, terdapat tiga istilah popular sering digunakan iaitu pembangunan, pemerksaan dan keusahawanan asnaf. Manakah yang lebih tepat?

Jika diteliti ketiga-tiga frasa berkenaan, tiada definisi yang jelas dan terang oleh penulis artikel ilmiah mahupun oleh pihak AMZ sendiri.

Memahami perbezaan

Begitupun, dalam Kamus Dewan Edisi Keempat, pemerksaan merujuk kepada perbuatan, usaha atau tindakan menjadikan sesuatu itu hebat, terkenal, berdaulat dan dominan. Sementara, keusahawanan pula bermaksud segala yang berkaitan dengan usahawan atau kemahiran tengangnya. Sementara itu, pembangunan merujuk kepada kegiatan mengembangkan sesuatu.

Dari segi kerja bagi memajukan asnaf, ketiga-tiga istilah itu boleh disusun seperti berikut.

Fasa 1: Pemerksaan asnaf

Merujuk kepada usaha yang dilakukan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan peribadi asnaf sama ada dalam bentuk keupayaan kemahiran, latihan atau teknikal bagi

melakukan suatu kerja.

Langkah pertama adalah dengan mengenal pasti penerima zakat yang produktif iaitu sihat tubuh badan, mampu mempelajari ilmu dan berusaha meraih pendapatan dengan kemahiran dipelajari, selain berupaya menjana wang. Selepas melalui semua proses itu, barulah mereka ditempatkan di pusat tertentu bagi mengasah bakat masing-masing.

Apabila mereka diyakini mampu menggunakan kemahiran dengan baik, barulah asnaf tadi dikategorikan sebagai sudah bersedia melakukan kerja yang bersangkutan paut dengan kemahiran tersebut. Maka AMZ ketika ini boleh menyokong asnaf dengan pemberian modal, mesin dan alat tertentu.

Fasa 2: Keusahawanan asnaf

Ia bermaksud pemerksaan asnaf dalam bidang keusahawanan. Dengan kata lain, ia merujuk kepada aktiviti menggalakkan asnaf untuk menjadi usahawan.

Terdapat enam model keusahawanan yang perlu dikenal pasti sebelum mereka bergelar usahawan. Ia termasuklah fasa pendedahan, pendidikan, pelaksanaan, bantuan awal pemasaran, bantuan meningkatkan pemasaran dan pemantauan.

Kejayaan AMZ dalam melahirkan lebih ramai usahawan berdaya saing merupakan penanda aras kepada keberhasilan program keusahawanan asnaf yang dijalankan.

Fasa 3: Pembangunan asnaf

Pada pandangan penulis, istilah itu memberikan makna yang lebih meluas berbanding pemerksaan dan keusahawanan asnaf. Ia merujuk kepada kegiatan untuk memajukan asnaf dalam konteks pembangunan yang lebih besar dan menyeluruh.

Istilah itu sebenarnya lebih kepada agenda dan strategi untuk memajukan asnaf pada masa hadapan termasuklah penglibatan positif daripada semua pihak. Antaranya peranan AMZ, kerajaan tempatan, kerajaan negeri dan Persekutuan. Ia agenda asnaf yang lebih besar, holistik dan bersifat masa depan.

Malah, konsep itu juga memerlukan kerangka lebih jitu dan tempoh masa panjang. Penulis begitu tertarik dengan tujuh prinsip Pembangunan Berteraskan Islam yang diperkenalkan oleh Profesor Emeritus Muhammad Syukri Salleh dari Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.

Barangkali ia boleh dipertimbangkan dan diambil kira dalam penggubalan falsafah serta strategi pembangunan asnaf.

Dalam aspek kerangka pembangunan berteraskan Islam, pembangunan asnaf perlu mengambil kira tujuh prinsip iaitu:

1. **Acuan:** Berdasarkan tasawur Islam.
2. **Pelaku:** Manusia.
3. **Skala waktu:** Meliputi alam roh, dunia dan akhirat iaitu apa yang dilakukan di dunia akan memberi kesan kepada seseorang asnaf dari segi akhirnya.
4. **Kerangka:** Fardu ain.
5. **Perkaedahan pembangunan:** Ibadah.
6. **Peralatan pembangunan:** Sumber alam.
7. **Matlamat akhir pembangunan asnaf:** Keredaan ALLAH atau mardhatillah.

Ya, apa sahaja yang dilakukan mesti berdasarkan niat. Andai betul nawaitu kita, maka sebarang usaha pembangunan asnaf tentunya akan mendapat keredaan ALLAH SWT.

Demikianlah yang dimaksudkan penulis tentang perbezaan antara pemerksaan asnaf, keusahawanan asnaf dan pembangunan asnaf.

ZAKAT
PULAU PINANG

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

